(13)

KKTP:100-4/16/(11)

27 Oktober 2004

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan & Tawau

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran Kudat

Pegawai Kerja
Majlis-Majlis Daerah,
KUALA PENYU, SIPITANG, NABAWAN, TAMBUNAN, KENINGAU, TENOM, KOTA BELUD, RANAU, TUARAN, PENAMPANG, KUNAK, LAHAD DATU, KOTA MARUDU, SEMPORNA, KINABATANGAN, LABUK SUGUT/BELURAN, BEAUFORT DAN PAPAR

Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.3/2004 - PELAKSANAAN SURAT PEKELILING JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN KOTA KINABALU BIL.1 TAHUN 2004 (PENUTUPAN AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2004)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk maklumkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tentang tarikh-tarikh akhir penghantaran baucar bayaran dan dokumen sokongan ke Kementerian ini pada akhir tahun.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Dalam Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Kota Kinabalu Bil. 1 Tahun 2004,perkara yang tersebut di bawah dan berkaitan dengan PBT telah ditetapkan:-

2.1.1 Tarikh Akhir Penyerahan Baucar Bayaran dan Dokumen Sokongan Untuk Diproses.

2.2 Bagi menjamin kelancaran Penutupan Akaun Tahun 2004 di peringkat Cawangan Akauntan Negara, Kota Kinabalu dan untuk mempastikan semua perbelanjaan pada tahun ini dapat dibayar sepenuhnya, Kementerian ini menetapkan tarikh-tarikh penyerahan baucar bayaran yang perlu dipatuhi oleh semua PBT.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1. Sila patuhi tarikh akhir Penyerahan Baucar Bayaran dan Dokumen Sokongan ke Kementerian ini untuk diproses:-

Perbelanjaan Bagi Tempoh	**Tarikh Akhir Penghantaran Baucar Bayaran Ke Kementerian KerajaanTempatan & Perumahan**
Perbelanjaan sehingga 31 Oktober 2004	Sebelum 4 November 2004
01hb - 07hb November 2004	Sebelum 11 November 2004
08hb - 15hb November 2004	Sebelum 18 November 2004
16hb - 23hb November 2004	Sebelum 30 November 2004
24hb - 30hb November 2004	Sebelum 7 Disember 2004
01hb - 07hb Disember 2004	Sebelum 11 Disember 2004
08hb - 15hb Disember 2004	Sebelum 17 Disember 2004
16hb - 23hb Disember 2004	Sebelum 29 Disember 2004 dan Pembayaran tertakluk kepada sekiraya ada tempoh Akaun Kena Bayar
24hb - 31hb Disember 2004	Sebelum 07 Januari 2005 dan pembayaran Tertakluk kepada sekiranya ada tempoh Akaun Kena Bayar

3.2 **Baucar bayaran yang diserahkan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan**.

4. PENUTUP

Sekiranya ada kemusykilan dalam pelaksanaan Pekeliling ini,sila berhubung Cik Phak Shiu Len atau Puan Nolizah Ag. Ahmad melalui No. Telefon 088-256744.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH

(DATUK UJANG SULANI)
Setiausaha Tetap

s.k. Pegawai Perancang Kanan
Kementerian Kerajaan & Tempatan

PSL/ry